Soalan 1 - 26

Isi tempat kosong dengan jawapan yang ***paling sesuai.***

1 Siakap ialah nama bagi sejenis _____.

A kucing B ayam

C ikan D kambing

Soalan 2 *berdasarkan gambar di bawah.*



2 Encik Omar bekerja sebagai _____.

A tentera B polis

C pembaca meter D posmen

3 "_____ akan ke Kelantan esok," kata Fairus dan Salikin kepada Bahrudin.

A Kamu B Kami

C Kita D Anda

4 Ayah membawa _____ sekeluarga makan angin ke Cameron Highlands.

A kalian B saya

C kami D mereka

Soalan 5 *berdasarkan gambar di bawah.*



5 Puan Faizah sedang _____ kain songket.

A menjahit B menenun

C menyulam D menekat

Soalan 6 *berdasarkan gambar di bawah.*



6 Pak Karim sedang _____ sawah dengan menggunakan kerbau.

A membajak B bajak

C membajakan D pembajakan

7 Air yang _____ jangan disangka tiada buaya.

A jernih B deras

C keruh D tenang

8 Kucing Huda sungguh _____ dan manja.

A jinak B garang

C mesra D galak

9 Mak Timah tidak dapat menoreh getah pada hari ini _____ hujan.

A kecuali B lalu

C dengan D kerana

10 Alif pasti mendapat keputusan peperiksaan yang lebih baik _____ dia rajin belajar.

A serta B apabila

C jika D kecuali

Soalan 11 *berdasarkan gambar di bawah.*

11 Rambut pengemis itu _____ dan pakaiannya koyak.

A comot-momot B koyak-rabak

C kusut-masai D bolak-balik

12 Usahlah kita mudah percaya dengan cerita _____ itu.

A keluh-kesah B karut-marut

C kelam-kabut D kacau-bilau

13 _____ Mas Noraini datang, tolong serahkan bungkusan ini kepadanya.

A Selepas B Sekiranya
C Walaupun D Oleh itu

14 _____ cara untuk membuat kuih karipap?

A Apakah B Manakah
C Berapakah D Bagaimanakah

15 _____ kamu akan mula belajar di sekolah itu?

A Bagaimanakah B Mengapakah
C Bilakah D Berapakah

Soalan 16 *berdasarkan gambar di bawah.*



16 Puan Suzalina sedang _____ bawang sebelum digoreng.

A menghiris B memotong
C membelah D meracik

17 Pokok-pokok durian itu _____ oleh ayah di belakang rumah.

A menanam B tanaman
C ditanam D ditanami

18 Puan Aisyah membeli beberapa _____ kelapa untuk dibuat serunding.

A batang B buah
C butir D biji

Soalan 19 *berdasarkan gambar di bawah.*



19 Puan Azwani membeli tiga _____ sayur kangkung di pasar.

A jambak B kuntum
C ikat D tangkai

20 _____ semua penonton dapat duduk di tempat masing-masing .

A Jangan B Tolong
C Jemput D Harap

21 "_____ makan juadah yang tidak seberapa ini," kata Puan Azlina kepada tetamu yang hadir ke rumahnya.

A Sila B Jemput
C Jangan D Tolong

22 Emak memasukkan pakaian kotor ke dalam _____ .

A mesin basuh B mesin kira
C mesin pengisar D mesin jahit

Soalan 23 *berdasarkan gambar di bawah.*

23 Ramnah menjadi _____ melihat kain di kedai itu yang cantik-cantik.

A mata keranjang B gelap mata
C rambang mata D rabun mata

24 Halim _____ untuk ke majlis perkahwinan itu kerana hujan turun dengan lebatnya.

A sakit hati B panas hati
C suka hati D tawar hati

25 Se _____ burung berterbangan ke arah selatan.

A kawan B kumpulan

C angkatan D gerombolan

26 _____ murid dikehendaki hadir untuk menjalani pemeriksaan kesihatan yang diadakan pada hari esok.

A Separuh B Suku

C Semua D Setengah

27 Salmah pendiam orangnya. Sepatah ditanya, sepatahlah juga yang dijawabnya.

Perkataan **berlawan** bagi pendiam ialah

A riuh B bising

C senyap D becok

28 Ayub mendakap ibunya dengan erat.

Perkataan **seerti** bagi mendakap ialah

A memeluk B memegang

C menarik D merentap

29 *Pilih* **jawapan yang sesuai** *bagi ayat tanya di bawah.*

Adakah kamu datang lewat ke sekolah semalam ?

A Bukan saya yang datang lambat ke sekolah semalam.

B Tidak, semalam saya tiba awal di sekolah.

C Ya, saya datang awal semalam .

D Aiman yang datang lewat semalam.

30. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah :-

Mungkin esok atau lusa saya akan bercuti ke Langkawi.

A Bilakah kamu akan ke Langkawi?

B Siapakah yang akan ke sana?

C Mengapakah kamuakan ke Langkawi?

D Adakah kamu akan bercuti ke Langkawi?

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pak Razak Seorang Penoreh

Pak Razak penoreh getah. Dia ke kebun getah pada pukul 7.00 pagi. Anak sulungnya, Adib, selalu membantunya pada masa cuti sekolah.

Sebaik sahaja tiba di kebun getah, Pak Razak memungut getah beku. Getah beku itu dimasukkan ke dalam baldi.

Kemudian, Pak Razak akan menoreh sebatang demi sebatang pokok getah. Setelah semua getah ditoreh, dia memasukkan semua getah beku ke dalam guni.

Pak.Razak akan membawa getah beku ke kedai peraih. Peraih itu akan menjualkan getah beku kepada pengusaha kilang getah. Di kilang getah, getah beku diproses. Getah yang telah diproses itu akan dijadikan pelbagai jenis barangan.

31. Apakah pekerjaan Pak Razak?

A Peraih

B Pekebun getah

C Penoreh getah

D Pengusaha kilang

32. Apakah yang dilakukan oleh Pak Razak sejurus sampai di kebun getahnya?

A Menoreh getah

B Menjual getah beku

C Memungut getah beku

D Menghantar getah ke kilang

33. Siapakah yang membeli getah beku daripada Pak Razak?

A Peraih

B Pekedai

C Pekebun getah

D Pengusaha kilang

34. Di manakah getah beku diproses?

A Di dalam baldi

B Kedai peraih

C Kilang getah

D Kebun getah

35. Antara yang berikut ialah barang-barang yang dihasilkan daripada getah kecuali

A Bola sepak

B Kerusi rotan

C Kasut sekolah

D Span pencuci pinggan